



**UNTUK SIARAN SEGERA**

**3 Julai 2019**

---

## **RHB ISLAMIC BANK BERHAD AGIH RM4 JUTA ZAKAT PERNIAGAAN**

---

**Kuala Lumpur** – RHB Islamic Bank Berhad mengagihkan zakat perniagaan berjumlah RM4 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018, yang akan diagihkan kepada empat belas (14) Pusat Pungutan Zakat (PPZ) di Malaysia.

Dato' Khairussaleh Ramli, Pengarah Urusan Kumpulan, Kumpulan Perbankan RHB, menyerahkan cek bernilai RM4 juta kepada Yang Berhormat Datuk Seri Dr Mujahid Bin Yusof Rawa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, pada majlis yang diadakan di Hotel Hilton Kuala Lumpur pada tengah hari tadi.

“Jumlah zakat perniagaan yang di agihkan oleh RHB untuk membantu golongan Asnaf melalui PPZ di seluruh Malaysia bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018, meningkat sebanyak 14.3 peratus berbanding RM3.5 juta pada tahun 2017. Dengan pengagihan wang zakat sebanyak RM4 juta ini, kami berharap ianya akan dapat memberi manfaat kepada golongan-golongan yang kurang bernasib baik dan amat memerlukan bantuan,” kata Dato' Khairussaleh Ramli, Pengarah Urusan Kumpulan, Kumpulan Perbankan RHB.

“Saya harap pengagihan wang zakat perniagaan RHB Islamic Bank ini sedikit sebanyak akan memberikan manfaat besar dalam membangunkan taraf hidup dan juga ekonomi saudara-saudara seIslam kita yang memerlukan di setiap negeri yang akan diagihkan,” kata Datuk Seri Dr Mujahid Bin Yusof Rawa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

---

Dikeluarkan bagi pihak RHB Bank Berhad oleh Bahagian Komunikasi Korporat Kumpulan. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Norazzah Sulaiman di talian 03-9280 2125/ [norazzah@rhbgroup.com](mailto:norazzah@rhbgroup.com) atau Cynthia Blemin di talian 012-249 4071/ [cynthia.blemin@rhbgroup.com](mailto:cynthia.blemin@rhbgroup.com).

### **Mengenai Kumpulan Perbankan RHB**

Kumpulan Perbankan RHB adalah kumpulan perkhidmatan kewangan bersepadu yang keempat terbesar di Malaysia. Perniagaan teras Kumpulan dibahagikan kepada tujuh tiang perniagaan utama, iaitu Perbankan Runcit Kumpulan, Perbankan Perniagaan & Transaksi Kumpulan, Perbankan Borong Kumpulan, Operasi Singapura, Perniagaan Syariah Kumpulan, Perniagaan Antarabangsa Kumpulan dan Insurans Kumpulan. Perbankan Borong Kumpulan terdiri daripada Perbankan Korporat, Perbankan Pelaburan, Liputan Pelanggan, Kumpulan Perbendaharaan & Pasaran Global, Pengurusan Aset dan Ekuiti Persendirian. Semua tujuh tiang perniagaan ditawarkan melalui anak syarikat utama Kumpulan -RHB Investment Bank Berhad, RHB Islamic Bank Berhad dan RHB Insurance Berhad, manakala perniagaan pengurusan aset dan amanah sahamnya dilaksanakan oleh RHB Asset Management Sdn. Bhd. dan RHB Islamic International Asset Management Berhad. Kehadiran serantau Kumpulan kini merangkumi sepuluh negara termasuk Malaysia, Singapura, Indonesia, Thailand, Brunei, Kemboja, Hong Kong, Vietnam, Lao PDR dan Myanmar. Ia adalah aspirasi Kumpulan Perbankan RHB untuk terus memberikan pengalaman pelanggan yang unggul dan nilai yang tinggi kepada pemegang saham; dan diiktiraf sebagai Kumpulan Perkhidmatan Kewangan Multinasional yang utama.